



# KENYATAAN MEDIA

## PELANJUTAN INISIATIF PENGECUALIAN DAN PEMBERIAN DISKAUN 50% BAYARAN SEWA KEPADA PENYEWA TANAH PERSEKUTUAN DAN PENYEWA DI BANGUNAN PERSEKUTUAN

Berteraskan matlamat-matlamat yang digariskan Kerajaan Persekutuan dalam Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia atau PERMAI iaitu bagi menyokong kelangsungan perniagaan, Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk **memberi lanjutan inisiatif pengecualian dan pemberian diskaun 50% bayaran sewa kepada penyewa Tanah Persekutuan dan penyewa di Bangunan Persekutuan.**

Inisiatif kepada penyewa Tanah Persekutuan adalah seperti berikut;

- (i) **Pelanjutan pemberian inisiatif pengecualian bayaran sewaan dan diskaun 50% bayaran sewaan bagi tempoh 4 bulan mulai 1 September 2020 hingga 31 Disember 2020** kepada 259 penyewa yang telah diluluskan inisiatif tersebut sepanjang Mac hingga Ogos 2020; dan
- (ii) **Pemberian diskaun 50% bayaran sewa bagi tempoh 6 bulan mulai 1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2021** kepada semua penyewa.

Bagi urusan penyewaan ruang dan premis di bangunan Kerajaan Persekutuan pula, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk memberikan:

- a) **Pelanjutan pemberian inisiatif pengecualian bayaran sewaan bagi tempoh 4 bulan mulai 1 September 2020 hingga 31 Disember 2020** kepada penyewa yang telah diluluskan inisiatif tersebut sepanjang Mac hingga Ogos 2020; dan

- b) **Pemberian diskau 50% bayaran sewa bagi tempoh 6 bulan mulai 1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2021 kepada semua penyewa.**

**Kementerian dan Agensi** di mana penyewa premis milik Kerajaan Persekutuan seperti taska, kafeteria, kedai serbaneka dan lain-lain yang beroperasi hendaklah merujuk dengan pihak Kementerian Jabatan Pengguna (KJP) masing-masing bagi pelaksanaan keputusan ini.

**Inisiatif pengecualian dan diskau bayaran sewa ini diberikan adalah untuk membantu penyewa Tanah dan Premis Kerajaan Persekutuan agar dapat menyusun semula strategi perniagaan seterusnya meningkatkan keupayaan dan kestabilan perniagaan mereka.**

**YB DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH  
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**11 MAC 2021**

